

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 8 DISEMBER 2017

MUKA SURAT: 31

## BANTUAN PINJAMAN PERUMAHAN PERTAMA



YONG WUI CHUNG

**SENATOR DATUK IR. YONG WUI CHUNG** meminta Kementerian Kewangan memaklumkan statistik kelulusan pinjaman bank bagi pembelian rumah pertama dari 2012 sehingga kini dan langkah yang dilakukan Bank Negara Malaysia (BNM) bagi memudahkan pemohon mendapatkan pembiayaan perumahan tersebut.

**JAWAPAN Timbalan Menteri Kewangan, SENATOR DATUK LEE CHEE LEONG:** Sebanyak RM57 bilion pinjaman perumahan telah diluluskan institusi perbankan kepada 142,558 pemohon untuk pembelian rumah buat kali pertama bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini sahaja. Sejak 2010, kerajaan dan BNM memperkenalkan pelbagai skim serta langkah bagi memudahkan termasuk skim *set-up financing* PRIMA, MyHome, Rumawip, Rumah Selangorku, Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia. Selain kos membeli rumah menerusi Skim MyDeposit dikurangkan dengan memberi pengecualian duti setem 100 peratus ke atas surat cara pindah milik dan surat cara pinjaman perumahan bagi pembelian rumah bernilai RM300,000 dan ke bawah.